UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OKTOBER / 20 / 2026
M/S : 9

Tambang ECRL dari Gombak ke Kota Bharu bermula RM125

Mekanisme tambang dinamik bolehkan harga tiket berubah ikut beberapa faktor

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Darwis (empat dari kiri) mengumumkan struktur tambang ECRL di Stesen ECRL, Terminal Bersepadu Gombak (TBG), semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Kuala Lumpur: Tambang bagi penumpang perkhidmatan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) untuk perjalanan di antara Gombak dan Kota Bharu, yang dijadualkan bermula 12 Disember ini, ditetapkan daripada RM125 sehala untuk kelas Ekonomi menerusi perkhidmatan Transit.

Tambang bagi perkhidmatan Ekspres bagi laluan Gombak-Kota Bharu sejauh 523 kilometer itu pula ditetapkan bermula RM147 sehala, manakala tambang Transit bagi perjalanan Gombak-Kuala Terengganu dan Gombak-KotaSAS, masing-masing bermula RM95 dan RM60.

Sementara itu, tambang Ekspres bagi laluan Gombak-Kuala Terengganu dan Gombak-KotaSAS masing-masing bermula RM110 dan RM68.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata kadar tambang permulaan sama turut terpakai bagi perjalanan arah sebaliknya.

Beliau berkata, kerajaan meluluskan cadangan struktur berkenaan pada 16 Oktober lalu berdasarkan mekanisme tambang dinamik.

Katanya, mekanisme tambang dinamik membolehkan harga tiket berubah mengikut faktor seperti waktu perjalanan, permintaan dan ketersediaan tempat duduk, sekali gus memberikan fleksibiliti kepada pengguna untuk merancang perjalanan mengikut keperluan serta kemampuan masing-masing.

"Selain itu, perkhidmatan transit akan berhenti di setiap stesen yang dijadualkan, manakala Ekspres memberi tumpuan kepada empat stesen utama iaitu Gombak, KotaSAS, Kuala Terengganu dan Kota Bharu.

"Dari segi tempoh perjalanan, perkhidmatan Ekspres Gombak-Kota Bharu dijadualkan mengambil masa sekitar empat jam berbanding sehingga lima jam bagi Transit," katanya pada sidang media pengumuman kadar tambang ECRL semalam.

Perjalanan Ekspres ke Kuala Terengganu pula mengambil masa dua jam 54 minit, berbanding tiga jam 51 minit bagi Transit dan bagi laluan Gombak-KotaSAS, perjalanan Ekspres dijangka mengambil masa satu jam 27 minit berbanding dua jam lima minit menerusi Transit.

10 set tren EMU diguna

Darwis berkata, dalam usaha memperluaskan akses kepada pengangkutan awam, Jemaah Menteri turut meluluskan diskaun 50 peratus kepada kanak-kanak berusia dua hingga 12 tahun, warga emas warganegara Malaysia berusia 60 tahun ke atas, pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) serta pesara kerajaan.

Pelajar berusia 13 hingga 24 tahun pula menikmati diskaun 40 peratus.

Penjualan tiket rasmi ECRL dijadualkan bermula pertengahan November ini, manakala operasi komersial penumpang bagi laluan Gombak-Kota Bharu disasarkan bermula pertengahan Disember.

Pada peringkat permulaan, sebanyak 10 set tren Electric Multiple Unit (EMU) akan digunakan dengan kelajuan operasi sehingga 160 kilometer sejam bagi menghubungkan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

ECRL akan menyediakan 12 perjalanan sehari dari Isnin hingga Khamis merangkumi enam perjalanan bagi setiap arah, manakala kekerapan meningkat kepada 16 perjalanan sehari dari Jumaat hingga Ahad, bersamaan lapan perjalanan bagi setiap arah.

Secara keseluruhan, kira-kira 2.2 juta tempat duduk dirancang untuk disediakan sepanjang 2027.

Selain itu, untuk kadar tambang ke destinasi lain, ia akan diumumkan dalam laman web ECRL pada pertengahan November ini.